

ROMBAK SISTEM PENDIDIKAN SUPAYA MESRA TVET

Bernama News | Rencana/Laporan Khas | 01/11/2018 | Author: ALI IMRAN MOHD NOORDIN | Others

PUTRAJAYA, 1 Nov (Bernama) -- Negara 'kehilangan' 147,422 pelajar dari sekolah-sekolah aliran kerajaan sejak 2006 hingga 2017.

Bekas Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Operasi Pendidikan) Datuk Ahmad Tajudin Jab mendakwa jumlah yang 'hilang' itu adalah kira-kira 30 peratus daripada jumlah pelajar yang mendaftar masuk ke Darjah Satu pada 2006.

Beliau menyuarakan kebimbangan mengenai hala tuju pelajar berkenaan setelah meninggalkan alam persekolahan kerana dikhawatir tidak langsung menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Pada masa sama, kementerian mendapati jumlah kemasukan yang rendah dalam program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) oleh lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Mungkin kerana lepasan SPM itu gagal memdapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menyebabkan mereka menjadi kurang berminat untuk menyambung pelajaran selepas 11 tahun menghabiskan masa di sekolah rendah dan menengah.

"Alangkah bagus jika kita boleh tarik 30 peratus ini atau sebahagian daripadanya ke dalam pendidikan TVET. Mungkin mereka tidak minat bidang akademik, jadi TVET boleh menjadi alternatif yang baik buat mereka," katanya.

Ahmad Tajudin berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pentrakturan Semula TVET Negara Melalui Kaedah Rasionalisasi dan Konsolidasi Bagi Mengoptimumkan Sumber dan Meningkatkan Keberhasilan' pada Perbincangan Meja Bulat Pendidikan TVET anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) di sini.

Perbincangan itu dipengerusikan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif MPN Profesor Datuk Dr Raduan Che Rose dan dihadiri lebih 30 peserta mewakili pelbagai institusi pendidikan tinggi, jabatan kerajaan, persatuan ibu bapa dan guru, pertubuhan majikan dan organisasi belia.

Antara isu utama yang dikenal pasti adalah penglibatan terlalu banyak pihak dalam pelaksanaan pendidikan TVET di negara ini.

KENAL PASTI ISU

Isu TVET menjadi polemik sehingga kerajaan Pakatan Harapan terpaksa menubuhkan Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan TVET, yang dipengerusikan Anggota Parlimen Permatang Pauh Nurul Izzah Anwar pada Jun lalu, yang bertanggungjawab menyediakan laporan untuk memperkasa TVET negara.

Dalam Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang dibentangkan baru-baru ini, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad memberitahu bahawa kerajaan akan meningkatkan keupayaan belia dalam bidang TVET.

Antara isu yang menghantui TVET adalah sistem pendidikan yang bertindih, isu pengiktirafan, peruntukan pinjaman kepada pelajar serta status sekolah harian yang menjalankan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tetapi gagal ditauliahkan.

Kementerian berkenaan ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) (kini Kementerian Pembangunan Luar Bandar), Kementerian Pendidikan (KPM) (kini Kementerian Pelajaran), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (kini Kementerian Pelajaran), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Kerja Raya (KKR) serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) (kini Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar).

“Setiap kementerian menggunakan model berbeza, menganjurkan program dalaman tersendiri. Ia mempunyai bidang masing-masing dan tidak berkongsi dengan yang lain...jika kita boleh mempromosikan idea untuk mempunyai satu institusi utama, ia merupakan satu pencapaian yang baik,” kata Raduan.

Pelbagai situasi itu turut menyumbang kepada isu-isu lain seperti perbezaan kurikulum untuk program sama, pensijilan tidak seragam serta timbulnya isu birokrasi antara kementerian bagi tujuan guna sama sumber manusia dan peralatan.

SERAGAMKAN PELAKSANAAN TVET

Panel perbincangan sebulat suara bersetuju bahawa langkah perlu diambil segera demi manfaat sektor TVET yang semakin membimbangkan.

Ia juga mengemukakan beberapa cadangan untuk pertimbangan kerajaan termasuk meletakkan semua institusi TVET di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan, dengan kementerian itu disaran dijenamakan semula sebagai Kementerian Pendidikan dan Latihan.

Selain itu, sistem pendidikan negara harus dirombak bagi mengurangkan kadar keciciran murid yang tidak berminat dengan pendidikan akademik dan meningkatkan kemasukan pelajar dalam bidang TVET di peringkat menengah atas, pada kadar 30 peratus atau sama dengan negara serantau.

Malaysia juga disaran meneliti model program TVET di bawah satu kementerian yang dilaksanakan dengan jayanya di banyak negara termasuk Finland, Jerman, Austria, Australia, Singapura, Korea Selatan dan Jepun.

Di Finland, Jerman, Austria, Korea Selatan dan Singapura, para pelajar menyertai pendidikan TVET seawal usia 15 atau 16 tahun dan menyertai pasaran kerja pada umur 18 ke 19 tahun.

Panel perbincangan juga mencadangkan institusi-institusi pendidikan TVET diselaraskan menjadi empat institusi sahaja iaitu sekolah yang menjalankan program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), kolej vokasional, politeknik serta pusat TVET peringkat tinggi.

Pada masa ini, terdapat 1,901 institusi TVET kerajaan dan swasta di negara ini.

TENAGA PENGAJAR DAN PENTAULIAHAN

Panel perbincangan turut mencadangkan supaya menyelesaikan masalah perbezaan skim perkhidmatan bagi tenaga pengajar TVET.

Semua tenaga pengajar yang masih dalam kelas J (pengajar TVET), DV (pengajar TVET), DS (Universiti-universiti Teknikal Malaysia-MTUN) dan lain-lain ditukar kepada skim DG (Guru Akademik) atau DH (Politeknik & Kolej Komuniti) melalui latihan perguruan secara khas di Institut Latihan Pendidikan Guru.

Dengan cara itu, lebih mudah untuk menggembungkan mobiliti tenaga pengajar di sesuatu daerah dan negeri sekiranya berlaku kekurangan pengajar di mana-mana kawasan.

Badan-badan yang terlibat dalam pentaulahan insititusi TVET juga disaran menyediakan satu pendekatan khusus yang menggabungkan elemen akademik dan praktikal agar tidak perlu ditauliahkan secara berasingan seperti yang berlaku sekarang.

Dari aspek dasar, kerajaan diharap dapat mempertimbang dasar yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET dengan mewajibkan pekerja dalam bidang kemahiran mempunyai sijil TVET.

Turut dicadangkan adalah pelaksanaan ujian kecekapan bagi pekerja sedia ada untuk mendapatkan pensijilan seperti yang diamalkan di Finland.

Selain itu, pekerja asing hanya diambil untuk kerja-kerja yang bukan bersifat penyeliaan atau profesional.

Dalam perkembangan sama, Raduan berkata sudah tiba masanya bagi pihak industri untuk turut menggalas beban dengan kerajaan dalam usaha memartabatkan bidang TVET di negara ini, baik dari aspek kewangan maupun kerjasama strategik.

“TVET adalah berdasarkan kemahiran yang akhirnya menyumbang kepada industri. Pihak dalam industri boleh memainkan peranan untuk bersama-sama menaja pelajar dan apabila tamat pengajian, mereka boleh diserap ke dalam industri,” jelasnya.

Disunting oleh Sarimah Othman

--BERNAMA

AIM SO NAK MMA